



HASiL/2026/01/15 – 06

HASiL PERKENALKAN PERKHIDMATAN BAHARU BAGI MEMUDAHKAN URUSAN PERCUKAIAN

CYBERJAYA, 15 JANUARI 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) terus komited mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan menerusi penggunaan teknologi digital untuk memudahkan urusan percukaian pembayar cukai. Terkini, HASiL akan memperkenalkan aplikasi **WhatsApp** dan **platform baharu carian maklumat** mulai **15 Januari 2026**.

Perkhidmatan baharu ini merupakan penambahbaikan kepada penyampaian maklumat kepada pembayar cukai seperti yang berikut:

Bil.	Perkhidmatan	Keterangan
1.	Aplikasi <i>WhatsApp</i>	• Penyampaian maklumat penting secara sehalu (one-way communication) merangkumi pemakluman percukaian, peringatan bayaran, notifikasi berkaitan tunggakan serta pematuhan cukai yang akan dihantar ke nombor telefon bimbit yang berdaftar dengan HASiL. • Profil <i>WhatsApp</i> yang digunakan oleh HASiL adalah seperti yang berikut:  Nama: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Nombor Telefon: 03-8911 1000

Bil.	Perkhidmatan	Keterangan
2.	Platform Carian Maklumat	- Platform pertanyaan yang ditambah baik untuk memudahkan pencarian maklumat percukaian. - Platform ini yang dikenali sebagai Tanya HAFY akan menggantikan platform terdahulu iaitu Tanya@HKC yang boleh diakses melalui portal rasmi HASiL. - Pencarian maklumat ini adalah secara akses sendiri (self-service) yang lebih sistematik, relevan dan efisien. 

Sehubungan dengan itu, HASiL menasihatkan semua pembayar cukai agar memastikan maklumat nombor telefon sentiasa dikemas kini melalui e-Kemaskini di portal MyTax bagi memastikan maklumat penting dapat disampaikan dengan lebih **cepat, mudah dan berkesan** kepada pembayar cukai.

HASiL yakin dengan pengenalan aplikasi *WhatsApp* HASiL dan platform Tanya HAFY ini akan memberi nilai tambah kepada pembayar cukai dalam meningkatkan capaian maklumat penting berkaitan percukaian.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 15 Januari 2026